



Ruj. Kami : JPA.BK 263/5/36 (27)
Tarikh : 20 Januari 2015

Tuan/Puan,

URUSAN PENGISIAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27, PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N17/N22 (TBK 13 TAHUN) DAN CALON SIMPANAN SETIAUSAHA PEJABAT GRED N27 DI PEJABAT-PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2015/2016

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, sebanyak **dua (2) jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N27** dan **dua (2) jawatan Pembantu Setiausaha Pejabat (PSP) Gred N17/N22 (TBK 13 Tahun)** di pelbagai negara memerlukan pengisian berikutan penyandang-penyandang sedia ada telah tamat tempoh bertugas di jawatan berkenaan. Jawatan-jawatan yang berkaitan adalah seperti berikut:

2.1 Bagi jawatan PPT Gred N27:

- a) Pejabat Penasihat Pendidikan (PPL) JPA, Seoul.
- b) Pejabat Penasihat Pendidikan (PPL) JPA, London.

2.2 Bagi jawatan PSP Gred N17/N22 (TBK 13 Tahun):

- a) Pejabat Perwakilan Pertanian Bangkok, Kementerian Pertanian.
- b) Pejabat Penasihat Pendidikan (PPL) JPA, Frankfurt.

3. Selain daripada itu, Bahagian ini memerlukan **calon simpanan Setiausaha Pejabat (SP) Gred N27** bagi persiapan pengisian berikutan penyandang-penyandang sedia ada akan tamat tempoh bertugas pada tahun 2016 dan akan melapor diri kembali ke Malaysia.

4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan yang memenuhi kriteria seperti di **Lampiran A** adalah dijemput untuk memohon pencalonan bagi mengisi kekosongan perjawatan berkenaan. Tuan/puan dipohon untuk mengemukakan **Borang Permohonan** seperti di **Lampiran B** dan **Borang Kebenaran Pasangan** (bagi yang berkaitan) seperti di **Lampiran C** sebelum atau pada **6 Februari 2015 (Jumaat)**.

5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi urus setia seperti berikut:

Urus Setia Bagi Penolong Pegawai Tadbir

- i. Encik Norkamarul Bin Norzam 03-8885 4145
kamarul.norzam@jpa.gov.my
- ii. Encik Muhammad Hilmi Bin Abdullah 03-8885 4328
Zawawi
hilmi.zawawi@jpa.gov.my

Urus Setia Bagi Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat

- i. Puan Idzatul Farahana Binti Ithnin 03-8885 4311
idzatul.ithnin@jpa.gov.my
- ii. Cik Normaizatul Syafiqah Binti Ibrahim 03-8885 4328
maizatul.ibrahim@jpa.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(NORZIATULSHIMA BINTI TAJUDDIN)

Timbalan Pengarah

Sektor Pengurusan Perkhidmatan Kumpulan Pelaksana

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA.